

10 APR 2002

Mahathir-Kelantan

MAHATHIR LAWAT KELANTAN JUMAAT INI

KOTA BAHARU, 10 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan pada Jumaat ini.

Menurut kenyataan Jabatan Penerangan Negeri Kelantan, Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dijadual tiba di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa di sini pada 8.45 pagi.

Sebaik tiba, Dr Mahathir akan menghadiri majlis perjumpaan dan dialog dengan pegawai-pegawai kerajaan persekutuan di Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian pada 9.15 pagi.

Beliau kemudiannya akan mengiringi Sultan Kelantan untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Muhammadi di sini.

Pada 4.45 petang, Dr Mahathir akan menghadiri Majlis Istiadat Penerimaan Penganugerahan Darjah Kebesaran daripada Sultan Kelantan di Istana Balai Besar di sini.

Perdana Menteri akan menerima Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (DK) daripada Sultan Kelantan sempena ulang tahun keputeraan baginda yang ke-52, yang disambut pada 30 Mac lepas.

Pada 6 petang pula, Dr Mahathir dijadual menemui anggota-anggota Badan Perhubungan Umno Kelantan di Istana Kota Lama di sini.

Pada malamnya, beliau dan Dr Siti Hasmah akan menghadiri Majlis Jamuan Rakyat bersama Sultan dan Raja Perempuan Kelantan di Istana Negeri di Kubang Kerian di sini.

Perdana Menteri dan isteri dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 12.30 malam.

-- BERNAMA

BD MAI